

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR
AWAM (EKSA) JABATAN TENAGA MANUSIA
BIL. 3/2023**

Tarikh	:	21 September 2023 (Khamis)
Masa	:	3.30 petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM
Pengerusi	:	Encik Azizul bin Mustafa
Kehadiran	:	Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN PENERUSI

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil.3 Tahun 2023.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.2/2023 bertarikh 25 Ogos 2023 disahkan oleh Ts. Junita Binti Mohamed Ali dan disokong oleh Encik Mohd Faizal bin Amat.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Lawatan TKP ke setiap Zon EKSA JTM telah dilaksanakan pada 20 September 2023 (Rabu) bersama Penyelaras setiap Zon yang melibatkan setiap zon di Aras 6 dan Aras 8.

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 3.2 Jawatankuasa Keselamatan memaklumkan bagi penggunaan *Standard Operation Procedure* (SOP) dan *Safety Work Procedure* bagi EKSA JTM akan mengikut prosedur yang telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Pekerjaan Bil.3/2023. Jawatankuasa Keselamatan telah menyiapkan SOP tersebut dan akan selaraskan SOP ini dengan Jawatankuasa Standard. Penggunaan SOP tersebut akan disediakan melalui Google Sheet dan akan dikemukakan kepada Setiausaha Zon untuk memasukkan kod bagi setiap mesin. *Safety Work Procedure* akan diletakkan

di sebelah SOP tersebut. Mesyuarat turut dimaklumkan pelaksanaan penggunaan SOP di ILP Kuala Lumpur telah dijadikan contoh yang mana telah mendapat persetujuan bersama JKPP.

TINDAKAN: Jawatankuasa Keselamatan dan Jawatankuasa Keseragaman (Standard)

- 3.3 Setiap Zon perlu memastikan setiap aktiviti EKSA dilaporkan dan dimuatnaik ke dalam sudut EKSA maya. Mesyuarat bersetuju *benchmark* bagi format pelaporan aktiviti di dalam sudut EKSA Maya adalah Zon Diamond.

TINDAKAN: Setiausaha Zon

- 3.4 Jawatankuasa Latihan telah menganjurkan sebanyak dua (2) kursus secara dalam talian bagi tahun 2023 seperti berikut:

Program	Tarikh	Bilangan Peserta	Penyampai
Taklimat Penilaian Pemarkahan dan Tatacara Pengauditan (EKSA)	13 September 2023	12 orang	YM Raja Muhammad bin Raja Daud
Taklimat Pelaksanaan Pengauditan (EKSA)	13 September 2023	60 orang	

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 3.5 Jawatankuasa Audit memaklumkan akan melaksanakan Audit Dalam EKSA JTM Bil.1 Tahun 2023 pada 6 Oktober 2023. Pembahagian Zon dan pemarkahan bagi penilaian audit telah disiapkan dan akan diserahkan kepada Penyelaras untuk semakan.

Pengerusi mengesyorkan setiap zon melantik pasukan audit dalaman masing-masing bagi menilai prestasi pelaksanaan EKSA zon masing-masing. Zon Ruby telah melaksanakan perkara ini dan diharap zon-zon yang lain dapat melaksanakan perkara yang sama.

TINDAKAN: Ketua Zon

- 3.6 Mesyuarat bersetuju kawasan seperti Bilik Kelab akan dikeluarkan daripada komponen penilaian Zon Emerald manakala Bilik Pantri dan Bilik Solat akan dikeluarkan daripada komponen penilaian Zon Diamond. Lorekan Pelan Lantai bagi tempat ini akan diubah kepada warna putih. Penilaian bagi kawasan ini akan dimasukkan sebagai Komponen C (Tempat Umum).

TINDAKAN: Urus setia EKSA

- 3.7 Mesyuarat dimaklumkan dengan pelantikan ahli Jawatankuasa EKSA yang baru berikutan pertukaran pegawai seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YBrs.Ts. Kamaruzaman Bin Haji Md Ali	Pengerusi
2	YBrs.Ts. Abu Sallehein Bin Nordin	Ketua Zon Zircon (BKT)
3	Puan Nor Adilah Binti Ab Latif	Penyelaras Zon Ruby (BKP)
4	Puan Suriany binti Samsudin	Penyelaras Zon Emerald (BPK)
5	Puan Nur Akmal binti Abd Rahim	Setiausaha JK Keseragaman (Standard)
6	Puan Kalarani A/P Karuppiah	Urus Setia Jawatankuasa Induk

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 3.8 Mesyuarat bersetuju supaya format laporan jawatankuasa di Sudut EKSA Maya ditambahbaik dengan menyediakan laporan tersebut mengikut format *table* supaya senang difahami.

TINDAKAN: Jawatankuasa Standard

- 3.9 Mesyuarat bersetuju supaya Sudut *Go Green* EKSA diwujudkan bagi setiap Zon EKSA mengikut kreativiti dan inovasi masing-masing. Buku Log *Go Green* perlu diwujudkan bagi mencatatkan setiap penjualan barang-barang kitar semula atau kertas kitar semula.

TINDAKAN: Penyelaras Zon

- 4.0 Mesyuarat mengambil maklum Jawatankuasa Promosi akan membuat pengiktirafan EKSA berdasarkan kepada markah penilaian auditan dalaman EKSA JTM. Sebanyak 5 jenis pertandingan yang akan dipertandingkan seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 Jld. 2 ()

dan hebahan perlu dibuat kepada semua warga JTM.

TINDAKAN: Jawatankuasa Promosi

4. PEMBENTANGAN LAWATAN TKP

- 4.1 Slaid Pembentangan Lawatan TKP ke setiap Zon adalah seperti di **Lampiran.**
- 4.2 Mesyuarat bersetuju Jawatankuasa Standard menyediakan satu format penyeragaman berkenaan pembezaan kawasan Zon mengikut warna. Cadangan daripada TKP adalah *labelling* diletakkan di hujung partition ruang kerja bagi memudahkan zon-zon dikenalpasti dan dibezakan secara warna.

TINDAKAN: Jawatankuasa Standard

- 4.3 Mesyuarat bersetuju Jawatankuasa Standard menyediakan satu format berkenaan penyeragaman susunan komputer dan CPU.

TINDAKAN: Jawatankuasa Standard

5. HAL-HAL LAIN


- 5.1 Ahli mesyuarat mencadangkan agar satu lawatan penandaarasan EKSA ke agensi yang menjadi model EKSA seperti Syarikat Google dibuat bagi mendapat gambaran yang lebih jelas dan memupuk perkongsian maklumat dan amalan terbaik.

TINDAKAN: Jawatankuasa Latihan

6. PENUTUP

- 6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggungkan mesyuarat pada jam 5.30 petang.

Disediakan oleh :




(REKHA KANAPATHY)

Setiausaha

Tarikh : 8/11/2023

Disahkan oleh :



(Azizulbin Mustafa)

b.p.: Pengerusi Jawatankuasa
Induk EKSA JTM

Tarikh : 8/11/2023

SENARAI KEHADIRAN:

- | | | |
|-----|---|-----------------------|
| 1. | Encik Azizul bin Mustafa | - Pengerusi |
| 2. | Ts. Abu Sallehein bin Nordin | - Ketua Zon Zircon |
| 3. | Ts. Junita binti Mohamed Ali | - Ketua Zon Diamond |
| 4. | Encik Noor Imran bin Mohamad | - Fasilitator |
| 5. | Puan Rekha A/P Kanapathy | - Setiausaha JK Induk |
| 6. | Encik Abdul Hadi bin M Sirat | - Urus setia |
| 7. | Puan Khaliza binti Khalid | - Urus setia |
| 8. | Puan Juliana binti Ali | - Urus setia |
| 9. | Puan Rozitah Haron | - Urus setia |
| 10. | Cik Nur Hidayatul Nadzirah binti Amirudin | - Urus setia |
| 11. | Puan Nur Yuzaena binti Mohmed Yusof | - Urus setia |
| 12. | Encik Abdullah Fahim bin Ishak | - Urus setia |
| 13. | Encik Mohd Fazli bin Ramli | - Jurugambar |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | |
|----|--------------------------------------|---|
| 1. | Ts. Abdul Halim bin Ali Mohammed | - Ketua Zon Emerald |
| 2. | Ts. Junnaina binti Husin Chua | - Ketua Zon Amethyst |
| 3. | Encik Muhammad Hafiz bin Harun | - Ketua Jawatankuasa Audit |
| 4. | Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin | - Ketua Jawatankuasa Latihan |
| 5. | Puan Hjh Noor Lisa Rahmat | - Ketua Jawatankuasa Keseragaman (Standard) |
| 6. | Puan Saidatina Asmah binti Ajuhary | - Ketua Jawatankuasa Promosi |

WAKIL

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------------------|
| 1. | Ts. Dr Nora Osman | - | Jawatankuasa Keseragaman (Standard) |
| 2. | Encik Mohd Khairulnizam bin Mohd Saleh | - | Jawatankuasa Promosi |
| 3. | Encik Jesudian Arulraj a/l Chelliah | - | Jawatankuasa Latihan |
| 4. | Encik Muhamad Hud bin Muhammed | - | Zon Ruby |
| 5. | Encik Rostam bin Hamzah | - | Zon Emerald |
| 6. | Puan Amalina binti Rosdi | - | Setiausaha Jawatankuasa Audit |
| 7. | Puan Nor Faizah binti Abdul Karim | - | Setiausaha Zon Amethyst |
| 8. | Encik Mohd Faizal bin Amat | - | Setiausaha Zon Zircon |
| 9. | Puan Rosmiati binti Ahmad | - | Setiausaha Jawatankuasa Promosi |
| 10. | Puan Norliana binti Abu Bakar | - | Setiausaha Jawatankuasa Latihan |